



GARIS PANDUAN LAPORAN
ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH
(AKKS) 2025/2026

TEMA
"KOPERASI SEKOLAH: MILIK BERSAMA, MEMBINA
KEPIMPINAN DAN KEUSAHAWANAN MADANI"

TEMPOH PELAKSANAAN
1 SEPTEMBER 2024 – 31 JULAI 2026

ANJURAN
UNIT KOPERASI SEKOLAH, SEKSYEN PENDIDIKAN,
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN,
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI
ANGKASA

GARIS PANDUAN ANUGERAH KECEMERLANGAN KOPERASI SEKOLAH (AKKS) 2025/2026

PENGENALAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan rasmi untuk koperasi sekolah anggota ANGKASA yang berminat untuk dicalonkan bagi Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2025/2026. Garis panduan ini mengandungi syarat kelayakan, kriteria penilaian serta prosedur pencalonan yang perlu dipatuhi. Dokumen ini bertujuan memastikan setiap koperasi sekolah memahami keperluan dan standard yang ditetapkan bagi anugerah tersebut. Dengan mengikut garis panduan ini, koperasi sekolah dapat menyediakan dokumen pencalonan dengan lebih sistematik dan teratur. Diharapkan panduan ini dapat membantu koperasi sekolah dalam usaha mencapai kecemerlangan dan pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Penilaian akan melalui 3 peringkat seperti berikut:

- Peringkat penilaian pertama** – semakan laporan keseluruhan
- Peringkat penilaian kedua** – semakan laporan senarai pendek
- Peringkat penilaian ketiga** – lawatan mengejut

PENYERTAAN

Penyertaan hanya dibuka kepada semua koperasi sekolah di Malaysia yang telah menjadi anggota ANGKASA. Koperasi sekolah yang bukan anggota ANGKASA wajib melampirkan borang permohonan keanggotaan ANGKASA sebagai syarat penyertaan. Borang tersebut hendaklah disertakan bersama borang laporan AKKS 2025/2026 (**UKS-AKKS/26**).

TARIKH CADANGAN DAN TEMA AKKS

- Tarikh pelaksanaan aktiviti: **1 September 2024– 31 Julai 2026.**
- Tarikh akhir menghantar laporan: **7 Ogos 2026 (Jumaat).**
- Tarikh penilaian laporan (peringkat 1): **10 – 21 Ogos 2026.**
- Tarikh penilaian laporan (peringkat 2): **24 – 26 Ogos 2026.**
- Tarikh lawatan pengesahan (peringkat 3): **1– 15 September 2026.**
- Tarikh Majlis AKKS peringkat kebangsaan: **31 Oktober – 2 November 2026.**
- Tema AKKS 2026: **"Koperasi Sekolah: Milik Bersama, Membina Kepimpinan dan Keusahawanan Madani"**

Nota: Tarikh, tempat dan format penilaian akhir adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa.

PENILAIAN PERINGKAT SARINGAN (PERTAMA DAN KEDUA)

Koperasi sekolah yang ingin dicalonkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2025/2026 Peringkat Kebangsaan diwajibkan menghantar laporan prestasi koperasi sekolah. **Laporan ini perlu disediakan dalam bentuk video yang kreatif, inovatif, dan bermakna.** Video tersebut harus mengetengahkan pencapaian, aktiviti, impak koperasi sekolah terhadap murid, warga sekolah dan komuniti setempat. Selain itu, elemen nilai koperasi dan prinsip keusahawanan juga perlu ditonjolkan dalam penyampaian video. Penyertaan yang memenuhi kriteria ini akan dinilai berdasarkan kreativiti, kandungan dan keberkesanan penyampaian maklumat.

1.0 FORMAT VIDEO KREATIF

1.1 Durasi

Tempoh video yang dibenarkan adalah **antara 4 hingga 7 minit sahaja.** Video yang dihasilkan hendaklah cukup padat dan jelas dalam menyampaikan mesej tanpa melebihi had masa yang ditetapkan. Video yang terlalu pendek mungkin tidak mencukupi untuk menyampaikan maklumat dengan berkesan manakala video yang terlalu panjang boleh mengurangkan daya tumpuan penilai.

1.2 Format

Bagi memastikan keserasian dengan pelbagai peranti dan platform, video yang dihantar mestilah menepati spesifikasi berikut:

- 1.2.1 **Format video:** Video hendaklah dalam format **MP4, MOV atau AVI** yang merupakan format standard yang mudah dimainkan pada kebanyakan peranti dan perisian penyuntingan video.
- 1.2.2 **Resolusi minimum:** Video perlu dihasilkan dalam sekurang-kurangnya **resolusi 720p (HD)** bagi memastikan kualiti paparan yang jelas dan tidak kabur apabila dimainkan pada skrin yang lebih besar. Resolusi yang lebih tinggi adalah digalakkan bagi pengalaman tontonan yang lebih baik.
- 1.2.3 **Orientasi video:** Video hendaklah dirakam dalam orientasi **landskap (16:9)** bagi memastikan kesesuaian dengan skrin komputer, televisyen dan kebanyakan platform penstriman video seperti YouTube serta media sosial. Video dalam orientasi potret (9:16) tidak akan diterima kerana ia mungkin tidak memenuhi keperluan tontonan secara profesional.

1.3 Kandungan Video

Video yang dihasilkan hendaklah merangkumi pecahan komponen utama seperti berikut:

Bahagian A: Profil Koperasi Sekolah (20%)

- ✓ Sejarah koperasi sekolah secara ringkas **(1%)**.
- ✓ Paparan gambar bangunan koperasi (luar dan dalam) serta pelan lokasi **(2%)**.
- ✓ Nombor pendaftaran koperasi di bawah SKM dan ANGKASA **(2%)**.
- ✓ Maklumat perhubungan koperasi seperti alamat, telefon, e-mel **(1%)**.
- ✓ Carta organisasi koperasi terkini bagi 2025 & 2026 **(2%)**.
- ✓ Logo, visi, misi, matlamat dan objektif koperasi **(3%)**.
- ✓ Statistik keanggotaan koperasi **(3%)**.
- ✓ Laporan kewangan tahunan teraudit dari tahun 2021 hingga 2026 **(6%)**

Bahagian B: Perniagaan Koperasi Sekolah (40%)

- ✓ Jenis-jenis perniagaan koperasi:
 - ❖ **Perkhidmatan (10%)**: Penyediaan perkhidmatan seperti fotokopi, pencetakan, katering, pembekalan bahan alat tulis dan lain-lain.
 - ❖ **Peruncitan (10%)**: Jualan barangan keperluan sekolah seperti alat tulis, pakaian seragam, makanan ringan, buku dan lain-lain.
 - ❖ **Pertanian (5%)**: Aktiviti seperti kebun sekolah, ternakan kecil-kecilan, produk agro seperti baja organik atau tanaman hidroponik dan lain-lain.
 - ❖ **Pelancongan (5%)**: Penyediaan perkhidmatan aktiviti Pelancongan Koperasi Sekolah, homestay, lawatan sambil belajar melalui pakej yang ditawarkan dan lain-lain.
- ✓ Aktiviti kelab koperasi dan keusahawanan **(5%)**.
- ✓ Produk khas koperasi sekolah 2025/2026 **(5%)**: **Produk buatan sendiri** seperti makanan ringan, minuman kesihatan atau kraftangan. Selain itu, produk inovasi hasil penyelidikan dan pembangunan **(R&D) oleh pelajar** serta jenama koperasi sekolah yang diketengahkan ke **pasaran luar**.

Bahagian C: Hari Koperasi Sekolah (30%)

- ✓ Perhimpunan khas Hari Koperasi Sekolah (HKS) dengan memaparkan ucapan perutusan, nyanyian Lagu Sepakat Membina dan aktiviti-aktiviti sepanjang sambutan HKS **(15%)**.
- ✓ Aktiviti tambahan sepanjang sambutan HKS seperti aktiviti ekonomi, sosial dan budaya **(7%)**.

- ✓ Aktiviti bonus: Pengamalan prinsip ke-7 koperasi menerusi penanaman pokok (5%).
- ✓ Pengiktirafan koperator terbaik berdasarkan sumbangan dalam koperasi dan penghargaan kepada murid dengan langganan koperasi tertinggi (3%).

Bahagian D: Sokongan Pembekalan Barangan dan Produk (10%)

Bagi menyokong kelancaran pelaksanaan aktiviti koperasi sekolah, ANGKASA telah mencadangkan perniagaan baru koperasi sekolah yang boleh memberi impak kepada koperasi sekolah dan gerakan koperasi. Oleh itu, penilaian dalam bahagian ini akan mengambil kira:

- ✓ Pembekalan kertas A4 melalui Bahagian Pendidikan dan Perniagaan ANGKASA khas untuk Semenanjung Malaysia.
- ✓ Pembekalan air minuman Yakult, air kotak Goodday, cadar asrama selimut asrama, tshirt sublimation, baju korporat diperuntukkan khusus kepada koperasi sekolah negeri Sabah dan Sarawak melalui rangkaian jaringan Bahagian Pendidikan dan Perniagaan ANGKASA.

2.0 KREATIVITI & PENYAMPAIAN

2.1 Gaya Penyampaian

- ❖ Menarik, informatif dan mudah difahami.
- ❖ Boleh menggunakan penceritaan, infografik atau animasi.
- ❖ Penggunaan teks ringkas dan jelas sebagai bantuan visual.

2.2 Audio Dan Muzik

- ❖ Gunakan suara latar yang jelas dan berkualiti tinggi.
- ❖ Muzik latar belakang tidak boleh mengganggu pemahaman.
- ❖ Jika menggunakan muzik, pastikan bebas hak cipta.

2.3 Penggunaan Bahasa

- ❖ Bahasa Melayu yang jelas dan formal.
- ❖ Penggunaan sari kata jika ada bahasa lain.

3.0 TEKNIK PENGGAMBARAN & PENYUNTINGAN

- 3.1 Pencahayaan yang baik dan rakaman stabil.
- 3.2 Gunakan transisi dan animasi yang sesuai.
- 3.3 Pastikan audio tidak tenggelam dengan muzik latar.
- 3.4 Setiap paparan visual mesti relevan dengan isi kandungan.

4.0 PENGHANTARAN & TARIKH AKHIR

- 4.1 Video hendaklah dihantar dalam format digital melalui platform yang ditetapkan.
- 4.2 Tarikh akhir penghantaran: **7 Ogos 2026 (Jumaat)**.
- 4.3 Nama fail video: "AKKS 2025/2026" [**Nama Sekolah**].

5.0 PENILAIAN VIDEO

Kriteria	Markah (%)
Kandungan video	50%
Kreativiti dan inovasi	20%
Kualiti teknikal (audio/visual)	15%
Kejelasan penyampaian	15%

6.0 KEPUTUSAN & PENGANUGERAHAN

- 6.1 Keputusan juri adalah muktamad.
- 6.2 Pemenang akan diumumkan dalam majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Koperasi Sekolah (AKKS) 2025/2026.

7.0 BORANG PENGESAHAN DAN LAPORAN AKKS 2025/2026

Borang pengesahan UKS-AKKS/26 dan laporan AKKS hendaklah diisi dengan lengkap serta dikepilkan bersekali dengan Video laporan AKKS di muka surat hadapan dan dihantar ke ANGKASA (Ibu Pejabat) **pada atau sebelum 10 Ogos 2026 (Jumaat) 4.30 petang**. Borang ini bolehlah dimuat turun dari laman web ANGKASA; www.angkasa.coop.

8.0 PENILAIAN LAPORAN AKKS 2025/2026

Penilaian akan dibuat berdasarkan format yang terkandung dalam setiap bahagian. **Jawatankuasa Penilai** boleh terdiri daripada:

- ✓ Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- ✓ Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
- ✓ Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)
- ✓ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
- ✓ Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- ✓ Dan Lain-Lain Agensi yang berkaitan

PENILAIAN PERINGKAT KETIGA (LAWATAN PENGESAHAN)

Peringkat ketiga adalah proses pengesahan untuk koperasi sekolah yang telah disenarai pendek oleh penilai peringkat kedua. Pihak ANGKASA akan membuat lawatan ke koperasi yang berjaya dan terpilih mengikut markah tertinggi bagi memastikan laporan dan pembentangan yang telah dibuat adalah benar. Sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak benar, maka penganjur berhak untuk menggugurkan koperasi sekolah berkenaan dan digantikan dengan calon koperasi sekolah lain berdasarkan markah tertinggi seterusnya.

Nota : Sebarang perubahan kepada format penilaian akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Keputusan yang dibuat oleh **Jawatankuasa Penilai** adalah **MUKTAMAD**.

PERTANYAAN

Sebarang bentuk pertanyaan yang berkaitan dengan AKKS 2025/2026 bolehlah diutarakan kepada Unit Koperasi Sekolah, Seksyen Pendidikan, Bahagian Pendidikan dan Perniagaan, Kumpulan Pembangunan Koperasi, ANGKASA di talian telefon:

03-7884 6606 / 6606 / 6624

E-mel: edu.angkasa@gmail.com

PENGLIBATAN PIHAK LUAR DALAM SAMBUTAN AKKS 2025/2026

Koperasi sekolah disarankan untuk melibatkan komuniti setempat dalam aktiviti yang dilaksanakan. Antara pihak yang boleh terlibat dalam aktiviti sepanjang sambutan adalah seperti berikut:

- ✓ Koperasi Sekolah berdekatan;
- ✓ Koperasi Dewasa;
- ✓ Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG);
- ✓ Masyarakat setempat;
- ✓ Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
- ✓ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN);
- ✓ Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
- ✓ Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- ✓ Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- ✓ Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN);
- ✓ Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- ✓ Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV);
- ✓ Lain – lain Agensi yang berkaitan.

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN KOPERASI SEKOLAH MENERUSI VIDEO KREATIF

- a) Penyediaan laporan hendaklah mengikut format yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini.
- b) Bahan-bahan atau maklumat yang telah diberikan oleh ANGKASA kepada koperasi sekolah seperti Garis Panduan Laporan (AKKS) 2025/2026 dan lain-lain **tidak perlu dimasukkan dalam video**.
- c) Koperasi sekolah juga perlu mengisi **Google Forms UKS-AKKS/26** dan disertakan dengan link/pautan Laporan **AKKS 2025/2026** yang telah dikongsikan dengan edu.angkasa@gmail.com. Pautan **Google Forms AKKS 2026** boleh didapati di <https://bit.ly/AKKS2026> atau menerusi kod QR dibawah:



d) **HADIAH PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2025/2026**

Pemenang peringkat negeri dan kebangsaan akan dipilih oleh Jawatankuasa Penilai berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Pemenang bagi setiap peringkat akan dimaklumkan dari masa ke semasa dengan melihat jumlah penyertaan setelah tamat tarikh tutup penghantaran video.

Kategori Hadiah Peringkat Kebangsaan AKKS 2025/2026 adalah seperti berikut:

- ✓ Koperasi sekolah terbaik
- ✓ Pengerusi koperasi terbaik
- ✓ Guru pembimbing koperasi terbaik
- ✓ Ikon koperator (murid/pelajar) koperasi sekolah terbaik
- ✓ Lain-lain anugerah khas

Anugerah khas juga akan disampaikan semasa peringkat kebangsaan dan pemenang akan diumumkan semasa Majlis AKKS 2025/2026 Peringkat Kebangsaan.

HAL-HAL LAIN

Sijil penyertaan AKKS 2025/2026 akan diberikan kepada koperasi sekolah yang telah menghantar laporan AKKS 2025/2026. **Tiada sumbangan saguhati berbentuk kewangan diberikan kepada koperasi sekolah yang menghantar video. Harap Maklum.**

Dengan adanya garis panduan ini, koperasi sekolah dapat menghasilkan video kreatif yang berkualiti dan memaparkan kejayaan serta keunikan koperasi masing-masing. Selamat berkarya.

**FALSAFAH KOPERASI
BEKERJA BERSAMA-SAMA DEMI MANFAAT BERSAMA**

Jika terdapat sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:

**BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN PERNIAGAAN,
KUMPULAN PEMBANGUNAN KOPERASI,
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA (ANGKASA)
UNIT C311, TINGKAT 2,
BLOK C, GLOMAC BUSINESS CENTRE,
JALAN SS 6/1, SS6, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR.
(U/P: UNIT KOPERASI SEKOLAH)**

No. Telefon: 03-7884 6606 / 6606 / 6624

Laman web: www.angkasa.coop

Email : edu.angkasa@gmail.com

Senarai Pegawai Unit Koperasi Sekolah (UKS)

BIL	NAMA	NO. TEL BIMBIT	E-MEL
1	En. Hasbullah Hamdin	012-2427233	edu.angkasa@gmail.com
2	En. Muhammad Hafifi Bin Hamdan	012-4646231	
3	Cik Noor Azlina Binti Sharif	017-6525924	
4	Cik Siti Nadratun Farhana Binti Mohd Hatta	017-2779916	
5	Samsul Bin Sarraji	016-4079410	